

16/05/2001

Cuepacs minta surat pilihan dikeluarkan sebulan awal

KUALA LUMPUR, Selasa - Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta kerajaan mengeluarkan surat tawaran pilihan sebulan lebih awal kepada kakitangan awam yang mencapai umur 55 tahun, sama ada mahu terus bersara atau bersetuju melanjutkan perkhidmatan.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan, berkata surat tawaran itu hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 1 September ini bagi membolehkan kakitangan awam yang akan bersara pada 1 Oktober mempunyai masa membuat pilihan itu.

Katanya, Cuepacs menyambut baik pelaksanaan had umur bersara kakitangan awam kepada 56 tahun mulai 1 Oktober ini sebagaimana diumumkan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman semalam.

"Perlanjutan tempoh persaraan kepada 56 tahun akan memberikan imej baru kepada perkhidmatan awam di negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Samsudin semalam berkata, kerajaan sudah menyatakan persetujuan mengenai kanaan umur bersara wajib seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mac lalu.

(END)